

**Kuala Lumpur:** Malaysia diramal tidak akan dilanda jerebu merentas sempadan yang teruk tahun ini berbanding tahun sebelumnya susulan keadaan semasa cuaca termasuk cuaca di negara jiran yang masih lembap.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (Met-Malaysia), Jailan Simon berkata, keadaan berkenaan di-sumbangkan oleh fenomena La Nina yang berlaku, sekali gus menghalang kepada aktiviti pembakaran terbuka.

“Apa yang berlaku di negara jiran nampaknya masih belum ‘kering’. Jadi kita

# *Jerebu tahun ini dijangka tak serius*

tidak jangka keadaan jerebu yang sangat serius.

“Bagaimanapun kita belum tahu lagi dalam masa tiga bulan akan datang kerana keadaan kering itu masih boleh berlaku di negara jiran,” katanya.

Beliau berkata demikian pada program Sembang Santai: Situasi Cuaca Semasa - Kesan kepada Masyarakat dan Alam Sekitar, di sini, sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2021 yang diadakan secara maya, semalam.



*Bagaimanapun kita belum tahu lagi dalam masa tiga bulan akan datang kerana keadaan kering itu masih boleh berlaku di negara jiran”*

**Jailan Simon**

Sesi berkenaan turut disertai Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Uda-

ra Jabatan Alam Sekitar (Jas), Wan Aminordin Wan Kamaruddin dan Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman dari Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Hari Alam Sekitar Sedunia disambut pada 5 Jun setiap tahun manakala sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) pada Oktober.

Jailan berkata, negara mengalami peralihan mon-

sun Timur Laut kepada Barat Daya sejak 19 Mei lalu dan keadaan itu menurutnya masih belum stabil dan menyebabkan keadaan hujan yang tidak menentu.

“Bagaimanapun, tahun ini agak sedikit luar biasa kerana tahun ini adalah tahun La Nina kita agak lembap berbanding tahun sebelum ini dan kesan La Nina tahun ini tidaklah kuat atau ketara dan kita akan dapat lebih banyak hujan berbanding musim Monsun Barat Daya sebelum ini.

“Apabila sudah stabil, insya-Allah keadaan ribut petir di pantai barat ini akan berkurangan dan kemungkinan ia akan berlaku lebih di kawasan pedalaman serta kawasan pantai timur. Ini adalah *patern* yang biasa, cuma di peringkat awal ini nampak pelik sedikit kerana angin itu belum stabil,” katanya.

Sementara itu, Haliza berkata, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan kerajaan bagi mengekang penularan pandemik Covid-19 menyaksikan keadaan alam sekitar di negara ini semakin bertambah baik. - Bernama